



BUKU PANDUAN PROJEK

SPECIAL INTEREST GRUP

Yayasan Salam Malaysia

Matlamat Utama SIG :

Untuk melahirkan sukarelawan yang mempunyai kemahiran merancang, melaksanakan projek dengan jaringan kerja melalui 3 program atau projek atau aktiviti dalam masa 12 bulan.

Objektif :

1. Sukarelawan akan dapat mengenal pasti program/projek/aktiviti yang bersesuaian dengan SIG masing masing
2. Sukarelawan akan mempamer keyakinan dengan memastikan setiap ahli SIG dapat menyertai program/projek/aktiviti yang dilakukan.
3. Sukarelawan akan membenteng kertas kerja dan laporan aktiviti bagi setiap projek/aktiviti/program yang dilaksanakan.

Kumpulan Sasar : Orang Kurang Upaya, kanak Kanak, Pelajar, Warga Emas, Organisasi kebajikan, Pusat Harian, Golongan yang memerlukan.

Metodologi

1. SIG masing masing akan merancang 3 program/projek/aktiviti dalam 1 tahun beserta dengan kertas kerja
2. Perjumpaan kesemua SIG bagi membenteng cadangan Program/Projek/Aktiviti SIG masing masing
3. Mengeluar satu Kalendar tahunan dengan catatan tarikh untuk program/aktiviti/projek masing masing.
4. SIG yang mencadang, merancang akan mengetuai Projek/Program/Aktiviti dengan dibantu oleh SIG yang lain begitulah sebaliknya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AHLI DALAM KUMPULAN SIG



CARA CARA MENGENAL PASTI PROJEK/PROGRAM/AKTIVITI

Adalah lebih baik jika kita dapat membuat perkara berikut :
Langkah 1 :

1. Membuat tinjauan untuk mengenal pasti keperluan
2. Senaraikan keperluan yang dipastikan untuk ke lokasi berkenaan, semasa di lokasi berkenaan dan selepas itu
3. Tanya soalan kepada pihak di lokasi berkenaan
4. Catat kesemuanya dan cuba siapkan dalam masa seminggu

Langkah 2 :

1. Panggil semua ahli SIG anda, adakan perjumpaan. Perlu menjemput Penyelaras sebagai pendengar atau pemberi nasihat
2. Bentangkan dengan ahli masing masing cadangan tersebut
3. Dapatkan persetujuan dan cadangan tarikh .

Langkah 3 :

1. Bentangkan di hadapan semua SIG yang lain apabila Perjumpaan SIG diadakan .
2. Umumkan cadangan tarikh kepada semua SIG
3. Dapatkan persetujuan dari semua sukarelawan tentang tarikh dan penglibatan mereka.
4. Adalah dinasihatkan agar SIG menetapkan SIG mana yang akan memainkan peranan masing-masing sekiranya program /Projek /Aktiviti melebihi dari 4 jam.

GARIS PANDUAN MEMILIH PROJEK/ PROGRAM/AKTIVITI

- Siapa yang akan mendapat faedah dari projek /program/aktiviti tersebut :
 - a. Orang Kurang Upaya
 - b. Pelajar Sekolah Menengah
 - c. Kanak kanak
 - d. Ahli Jawatankuasa
 - e. Organisasi atau Kelab
- Tidak mengganggu masa sukarelawan/ keperluan sukarelawan
- Kalendar : Cuti Sekolah dan sebagainya
- Perlu hanya tenaga, kemahiran,kreativiti,masa
- Mudah mendapat kebenaran pihak yang akan terlibat
- Keselamatan Sukarelawan dan Kumpulan Sasar
- Dan, Lain lain yang di fikirkan perlu

APA YANG AKAN ANDA PERLUKAN

- a. Surat Rasmi

Sekiranya ianya melibatkan agensi agensi kerajaan atau organisasi dan memerlukan surat penjelasan dan sebagainya, anda boleh mendapatkan dokumen berikut dari Ibupejabat melalui Penyelaras masing masing.

Surat Rasmi adalah seperti berikut :

LOGO SALAM**ALAMAT PENUH**

**YAYASAN SALAM MALAYSIA
Pusat Aktiviti Sukarelawan**

**Bilik Aktiviti 1 & 2
Wisma Wanita
Jalan Sultan Tengah
Petra Jaya, Kuching
Telefaks : 082445116**

Surat Rasmi ini akan ditandatangani oleh Penyelaras atau Ketua Pegawai Projek dan salinan kepada Ketua SIG masing masing.

- b. Fail-fail SIG akan dibuka dan disimpan di Pusat Aktiviti Sukarelawan.
- c. Borang Projek/Program/Aktiviti dan Borang Laporan akan disediakan untuk setiap SIG.

Borang Cadangan Projek/Program/Aktiviti

1. Nama Program /Projek/Aktiviti : _____
2. Matlamat : _____
3. Objektif : a. _____
 b. _____
 c. _____
4. Kumpulan Sasar :
5. Metodologi : Langkah Langkah Pelaksanaan
6. Kesimpulan
7. Bajet (termasuklah)
 - a. Penginapan
 - b. Pengangkutan
 - c. Makanan & Minuman
 - d. Peralatan
 - e. Stationery
 - f. Kotinjensi

Borang Laporan Program/Aktiviti/Projek

Nama Program/Projek/Aktiviti	
Lokasi dan Tarikh	
Masa Mula dan Tamat	
Nama Sukarelawan yang terlibat pada hari ini	
Penilaian saya/kami	
1. Cabaran yang dihadapi :	
2. Cara saya mengatasi cabaran ini.	
3. Cadangan :	